

Headline	Raja Muda Perlis kayuh basikal untuk kempen pencegahan AIDS		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	03 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	104 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 208
Frequency	Daily	PR Value	RM 624



## Raja Muda Perlis kayuh basikal untuk kempen pencegahan AIDS

**KANGAR:** Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail hari ini menyertai program Kayuhan Basikal DiRaja sempena sambutan Hari AIDS sedunia peringkat kebangsaan.

Baginda mengetuai puluhan peserta berkayuh sejauh lebih 20 kilometer pada program anjuran Jabatan Kesihatan Perlis bermula dan berakhir di Kompleks Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Perlis.

Sepanjang kayuhan itu baginda yang berpakaian serba merah singgah di terminal feri Kuala Perlis bagi menjalankan kempen pencegahan AIDS dan kemudiannya singgah di surau kampung Seberang Ramai untuk solat Asar berjamaah.

Baginda yang diiringi

Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut meninjau lebih 60 buah rumah yang dilanda ribut di kawasan Kuala Perlis semalam.

Semasa lawatan ke kawasan ribut itu, baginda turut menyerahkan sumbangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) berjumlah RM5,000 melalui anggota dewan undangan negeri kawasan Kuala Perlis.

Sumbangan kepada mangsa-mangsa ribut dilakukan di bawah program "MAIPs Peduli Bencana Ribut" sebagai bantuan segera untuk mangsa-mangsa itu.

Turut serta ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs, Abdul Malik Hussin. -Bernama